

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 18 November 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SESI LIBAT URUS BANCİ EKONOMI 2026 BERSAMA *STAKEHOLDERS* DAN PERSATUAN PERNIAGAAN PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN NOVEMBER 2025

BANCİ EKONOMI 2026 LIBATKAN LEBIH 180,000 PERTUBUHAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 18 NOVEMBER 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menganjurkan **Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** bersama *stakeholders* dan persatuan perniagaan bagi peringkat Wilayah Persekutuan. Majlis ini diadakan sebagai salah satu publisiti dan pemakluman awal pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 dengan bertemakan ‘Data Nadi Ekonomi Rakyat’ yang akan dilaksanakan di seluruh negara mulai Februari hingga Oktober 2026. Banci Ekonomi ini meliputi semua pertubuhan perniagaan dan “pertubuhan bukan berasaskan keuntungan” di Malaysia. Ia meliputi semua sektor ekonomi iaitu Pertanian, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian dan Perkhidmatan. Banci Ekonomi 2026 merupakan banci ke-enam dilaksanakan di Malaysia sejak tahun 2001.

Sesi libat urus ini dihadiri oleh lebih daripada 200 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, persatuan industri, pertubuhan perniagaan, usahawan, pejabat parlimen serta pegawai ibu pejabat DOSM dan DOSM Wilayah Persekutuan. Majlis ini telah

dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir ialah *stakeholders* DOSM seperti Bank Negara Malaysia, SME Corp, Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO) serta beberapa wakil persatuan industri dan pertubuhan perniagaan seperti Dewan Perniagaan Islam Malaysia Labuan, PETRONAS Chemicals Marketing (Labuan) Limited, Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (MAMSB) dan lain-lain.

Banci Ekonomi 2026 dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) yang mana Seksyen 5 di bawah akta ini mengkehendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan Perangkaan Malaysia. Dianggarkan sebanyak 1.2 juta pertubuhan di seluruh Malaysia diliputi dalam Banci Ekonomi 2026. Daripada jumlah ini, sebanyak 180,000 pertubuhan perniagaan berdaftar terdapat di Wilayah Persekutuan iaitu pertambahan pertubuhan sebanyak 19.5 peratus berbanding Banci Ekonomi 2023. Berdasarkan bilangan ini, pertubuhan di Wilayah Persekutuan dianggarkan dengan pecahan kepada mikro sebanyak 58.7 peratus, kecil 35.0 peratus, sederhana 1.6 peratus dan besar 4.7 peratus.

Kedudukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai penyumbang kedua tertinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia selepas negeri Selangor pada tahun 2024 dengan sumbangan sebanyak 16.1 peratus dengan nilai KDNK berjumlah RM265.8 bilion mengukuh 6.2 peratus. Sektor Perkhidmatan yang mengungguli ekonomi berkembang 5.5 peratus mengatasi pertumbuhan nasional (5.3 peratus). Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, sektor Pembinaan dan sektor Pembuatan masing-masing meningkat 21.1 peratus dan 4.3 peratus.

Liputan Banci Ekonomi 2026 akan menggunakan Malaysia *Standard Industrial Classification* (MSIC) 2025 yang merangkumi lima sektor, 17 seksyen dan 1,216 industri yang telah dikemas kini bagi mencerminkan perubahan struktur ekonomi semasa termasuk kemunculan industri berasaskan inovasi, tenaga lestari, teknologi maklumat dan ekonomi digital.

Ketua Perangkawan Malaysia iaitu Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan keyakinan bahawa dengan semangat kolaborasi, sokongan berterusan dan rasa tanggungjawab bersama, pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 akan dapat direalisasikan dengan cemerlang, berimpak tinggi dan memberi manfaat yang menyeluruh kepada negara. Beliau turut menyeru agar semua pihak bersama-sama menjadikan pelaksanaan banci ini sebagai satu tanggungjawab nasional dalam usaha demi memperkukuh daya saing negara, memacu inovasi dan menjamin kemakmuran ekonomi Malaysia yang mampan, inklusif berdaya tahan.

Selaras dengan aspirasi pembangunan negara, BE2026 menyokong pelaksanaan dasar-dasar nasional utama termasuk Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Agenda Ekonomi Digital, Revolusi Industri 4.0, SDG 2030, dan Pelan Strategik Ekonomi Bumiputera 2035. Data yang diperolehi akan digunakan untuk menilai produktiviti, pelaburan, peluang pekerjaan, penggunaan teknologi dan daya saing ekonomi negara.

Selain itu, hasil pelaksanaan BE2026 akan diterbitkan melalui 51 penerbitan rasmi bagi memudahkan akses pengguna terhadap maklumat ekonomi mengikut sektor dan negeri. Statistik ini akan menjadi asas kepada perancangan pembangunan berasaskan bukti di semua peringkat termasuk daerah dan komuniti.

Menyedari tentang kepentingan Banci Ekonomi, semua “pertubuhan-pertubuhan perniagaan” dan “pertubuhan bukan berasaskan keuntungan” adalah disaran untuk memberi kerjasama sepenuhnya terhadap Banci Ekonomi 2026. Pertubuhan-pertubuhan boleh memberi maklum balas melalui pengisian maklumat dalam talian yang dikenali sebagai e-BE, penghantaran borang soal selidik secara pos dan komunikasi menggunakan e-mel atau telefon. Pembanci-pembanci DOSM juga akan mengumpul data melalui kaedah temu duga bersemuka. Banci ini bermula Februari 2026 dan berakhir Oktober 2026. Data yang bertepatan masa dan tepat amatlah diperlukan supaya Kerajaan dan pengguna-pengguna data lain dapat membuat perancangan yang berkesan dan keputusan berasaskan bukti atau fakta.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open*

Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN
18 NOVEMBER 2025




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI 2024



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KDNK NEGERI PADA HARGA MALAR 2015 (%)



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN 6 NEGERI PENYUMBANG¹ TERATAS MENGIKUT SEKTOR (%)



¹Berdasarkan sumbangan kepada nilai ditambah nasional mengikut sektor
Petunjuk: 📈 Pertumbuhan 2024 📉 Sumbangan kepada KDNK Malaysia

*Termasuk W.P. Putrajaya W.P.: Wilayah Persekutuan KL: Kuala Lumpur
Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri (Sektor Perlombongan & pengkuarian).

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERBUKAAN DAN KETIMPUSAN



MALAYSIA
MADANI



ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
BERSAMA SAMA MELAKUKAN
DI DUNIA



20 Oktober 2016 - 2030